



KENYATAAN MEDIA HARI KE-9
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
SELAKU PENGERUSI
SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE

Sebagai langkah menangani penularan wabak COVID-19, Kerajaan Negeri telah memutuskan melalui mesyuarat Sabah COVID-19 Command Centre pada hari ini, untuk melaksanakan larangan seperti berikut:

A. PELAJAR DAN ORANG AWAM YANG BALIK DARI LUAR NEGERA / LUAR NEGERI

1. Kerajaan Negeri memutuskan agar mana-mana pelajar atau orang awam yang balik dari luar negara ke Negeri Sabah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan akan dikenakan kuarantin selama 14 hari di Pusat Kuarantin yang disediakan.
2. Manakala bagi mana-mana pelajar atau orang awam yang balik dari luar negeri ke Negeri Sabah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan akan dikenakan *Stay Home Notice* dan menjalani kuarantin di rumah selama 14 hari.

Sabah COVID-19 Command Centre hari ini juga ingin memaklumkan bahawa perkara-perkara berikut telah dan sedang dilaksanakan, iaitu:

A. PENGAGIHAN BANTUAN MAKANAN KEPADA GOLONGAN YANG TERJEJAS SECARA LANGSUNG OLEH WABAK COVID-19 DENGAN PERUNTUKAN RM18 JUTA

Kerajaan Negeri ingin memaklumkan bahawa bantuan makanan kepada golongan yang terjejas secara langsung oleh wabak COVID-19 di seluruh Negeri Sabah telah mula diagihkan sejak jam 3.00 petang pada 25 Mac 2020. Sebahagian besar daripada bantuan ini dijangka akan dapat diterima oleh kumpulan sasaran pada hari ini. Manakala bagi selebihnya, bantuan akan disampaikan dalam tempoh yang terdekat.

B. PEMBAYARAN ELAUN BANTUAN KHAS KEPADA GOLONGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR

Pembayaran Elaun Bantuan Khas *One-Off* RM500 kepada golongan miskin dan miskin tegar akan dibayar secara *online* mulai hari ini, 26 Mac 2020 oleh semua Pejabat Daerah di seluruh Negeri Sabah. Bagi yang tidak mempunyai akaun bank, pembayaran akan dilakukan secara tunai.

C. BANTUAN GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH B40

1. Pembayaran Bantuan Tunai *One-Off* RM300 kepada golongan berpendapatan rendah B40, atau golongan yang terjejas teruk, iaitu yang terdiri daripada pemandu-pemandu teksi, petani, pekebun, nelayan, penternak, malim gunung dan “porters”, serta *freelance tour guides* akan dibayar secara *online* ke akaun bank masing-masing bermula hari ini.
2. Bagi kumpulan *vulnerable* seperti warga tua, anak-anak yatim, orang kelainan upaya yang melibatkan seramai 62,638 orang dan ibu-ibu tunggal seramai 6,500 orang di seluruh Negeri Sabah dijangka akan menerima Bantuan *One-Off* RM300 secara *online* ke akaun bank masing-masing pada esok, 27 Mac 2020.

D. BANTUAN KEPADA PESAKIT COVID-19 DAN AHLI KELUARGA

Kerajaan Negeri melalui Sabah COVID-19 Command Centre juga telah memutuskan untuk memberi bantuan tunai *one-off* RM500 kepada pesakit COVID-19 atau ahli keluarga pesakit. Pembayaran akan dibuat ke akaun bank masing-masing sebaik sahaja nombor akaun bank pesakit atau ahli keluarga pesakit diperolehi daripada pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sabah.

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
26 Mac 2020 | 2.00 Petang